

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN BADAN PEMUAFAKATAN PENDIDIKAN MARA
MALAYSIA (MUAFAKAT) DAN SEMINAR PRESTASI PENDIDIKAN MAKTAB
RENDAH SAINS MARA (MRSM)
DI DEWAN BESAR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)
18 DISEMBER 2002

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama di dalam dewan ini untuk menjayakan pelancaran Badan PeMUAFAKATan Pendidikan Mara Malaysia (MUAFAKAT) dan seminar Prestasi Pendidikan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk berucap di majlis yang amat bermakna ini.

2. Saya juga ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada MUAFAKAT di atas pendaftarannya secara rasmi pada tahun lalu. MUAFAKAT mempunyai tanggungjawab yang berat, di dalam menggantikan persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) Di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Kolej Mara. Disamping itu, saya difahamkan keahlian badan ini telah diperluaskan dan terbuka kepada setiap ibu bapa, bekas pelajar MRSM/Kolej Mara, guru MRSM/Kolej Mara dan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah mara. dengan itu, MUAFAKAT perlu menggerakkan program-program yang dapat memberi bantuan dan sokongan kepada pihak MRSM Dan Kolej Mara, sepertimana PIBG dahulu, disamping mengadakan program-program yang sesuai dengan peranannya yang lebih luas itu. Saya berharap MUAFAKAT dapat bergabung tenaga dengan pihak MARA, persatuan bekas pelajar MRSM (ANSARA) dan Persatuan Pendidik Mara Malaysia (PRADIKMA), di dalam mengatur strategi dan pendekatan yang dapat terus memartabatkan pendidikan di MRSM Dan Kolej Mara.

3. Pendidikan memang sangat berkait rapat dengan perjuangan orang-orang Melayu. Semasa menuntut kemerdekaan dahulu, pemimpin-pemimpin Melayu bercita-cita besar agar kebebasan yang diperolehi akan membolehkan orang-orang Melayu untuk meningkatkan penguasaan ilmu mereka, seterusnya memajukan diri mereka. Selepas itu, ketika merancang dasar ekonomi baru pula, pemimpin-pemimpin Melayu sama-sama berpendapat pendidikan merupakan antara kunci kejayaan orang-orang Melayu, yang dapat memastikan agar matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat mampu dicapai. Sesungguhnya, pemimpin-pemimpin masa dahulu dan sekarang sama-sama berpegang kepada keutamaan pendidikan di dalam mengubah nasib orang-orang Melayu dan memajukan negara secara keseluruhannya. Pendidikan adalah agen perubahan sosial yang paling berkesan dan penentu kejayaan sesuatu bangsa dan negara.

4. Justeru itu, kerajaan telah memberi penekanan yang sangat berat kepada bidang ini semenjak kita merdeka lagi. Malaysia membelanjakan lebih daripada lima peratus setahun, daripada keluaran negara kasarnya (K.N.K.), ke atas pendidikan - jumlah ini sebenarnya setanding atau melebihi peratusan bagi negara- negara maju di dunia. Infrastruktur pendidikan di Malaysia antara yang terbaik di kalangan negara-negara membangun. Di peringkat asas kita mempunyai 7,404 sekolah rendah dan 1,794 sekolah menengah, dengan sejumlah hampir 160,000 guru. Di peringkat tinggi, kita mempunyai 18 Institut Pengajian Tinggi Awam (I.P.T.A.), 16 Institut Pengajian Tinggi Swasta (I.P.T.S.) bertaraf universiti, dan 690 kolej swasta bertaraf

bukan universiti. Bilangan institusi yang banyak ini mencerminkan kesungguhan kerajaan di dalam bidang pendidikan, baik dari segi aksesibiliti pendidikan bagi rakyat mahupun dari segi mutu pelajaran.

5. Bagi mereka yang memerlukan bantuan, terutamanya orang-orang Melayu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dan program dan menyediakan beraneka jenis kemudahan. Kita telah mendirikan sekolah-sekolah serba lengkap di bandar dan luar bandar; mengadakan skim pinjaman buku, tuisyen percuma, biasiswa dan skim pinjaman pendidikan; membangunkan sekolah berasrama penuh, sekolah bestari (dengan peralatan teknologi maklumat yang serba moden) dan pusat-pusat matrikulasi; serta menggerakkan pelbagai program yang lain. Puluhan ribu anak Melayu telah diberi biasiswa dan dihantar untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkemuka di dalam dan luar negeri (termasuklah, saya kira, ramai daripada mereka yang hadir pada malam ini).

6. Sebenarnya, tertubuhnya MRSM Dan Kolej Mara adalah atas dasar yang sama. Kini terdapat 32 buah MRSM Dan 4 Kolej Mara yang sedang beroperasi. Angka ini dijangka bertambah menjadi 50 buah MRSM/Kolej Mara menjelang tahun 2005. Saya dimaklumkan enrolmen MRSM/Kolej Mara sekarang melebihi 22,000 orang, manakala bilangan guru dan pegawai pendidikan mencecah 2,000 orang. Sesungguhnya, setelah 30 tahun wujudnya MRSM, dianggarkan tidak kurang daripada 60,000 orang pelajar yang telah berjaya dihasilkan oleh MRSM/Kolej Mara. Ini satu pencapaian yang membanggakan.

7. Komitmen kerajaan kepada pendidikan telah membuahkan banyak hasil. Taraf pendidikan tenaga kerja negara terus bertambah baik. Bilangan mereka yang tidak mendapat pendidikan formal atau setakat sekolah rendah sahaja menurun daripada 51 peratus pada tahun 1980 kepada kurang daripada satu-pertiga sekarang. Manakala mereka yang mendapat kelulusan tertiar meningkat daripada 1.5 peratus pada tahun 1980 kepada 14 peratus pada tahun 2000, dan ianya dijangka mencapai 35 peratus pada tahun 2010. Kesemua kemajuan pendidikan seperti ini telah menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara secara ketara.

8. Usaha kerajaan dalam menyusun semula masyarakat juga telah menunjukkan hasil yang baik. Profil pekerjaan bagi bumiputera terus berubah. Umpamanya, gunatenaga bumiputera dalam kategori jawatan tinggi telah meningkat: dalam kategori profesional dan teknikal, peratusan gunatenaga bumiputera bertambah daripada 60.5 peratus pada tahun 1990 kepada 63.8 peratus pada tahun 2000; sementara dalam kategori pentadbiran dan pengurusan pula, peratusan gunatenaga bumiputera bertambah daripada 28.7 peratus kepada 36.9 peratus dalam jangkamasa yang sama. Selain itu, antara tahun 1990 dan tahun 2000, bilangan ahli profesional berdaftar bumiputera telah berkembang hampir tiga kali ganda kepada 15,321 orang. Justeru, seiring dengan kemajuan-kemajuan ini, purata pendapatan isi rumah bumiputera telah meningkat kepada hampir 2,000 ringgit sebulan.

9. Namun, apa yang disebalik angka-angka ini jauh lebih menarik dari segi ceritanya. Kita melihat pendidikan telah berjaya menjadi pencetus mobiliti sosial ("social mobility") bagi orang-orang Melayu. Sama ada anak bangsa itu berasal dari keluarga petani, penoreh, nelayan mahupun keluarga cikgu, kerani atau kakitangan kerajaan, anak bangsa tersebut mampu mendapat pekerjaan dan kehidupan yang lebih bermutu kerana telah dibekalkan dengan pendidikan yang baik. Inilah teras pendidikan negara, dan matlamat pembangunan diri (dan, dengan itu, pembangunan negara) dalam pendidikan akan tetap diteruskan.

10. Walaupun kita bangga dan gembira dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai, kita sedar masih terdapat banyak ruang bagi orang-orang Melayu untuk memperbaiki diri mereka. Walaupun setelah 45 tahun kita merdeka, ataupun setelah lebih 32 tahun dasar ekonomi baru diperkenalkan, kita insaf orang-orang Melayu masih mempunyai kelemahan.

11. Sikap orang-orang Melayu terhadap pendidikan bagaikan di takuk lama. Malah ada yang berpendapat bangsa Melayu kurang mementingkan kecemerlangan sekarang berbanding dekad-dekad terdahulu. Tahun lepas, 48,115 orang mendapat ijazah pertama di I.P.T.A. masing-masing. Sedikit sebanyak kita telah berjaya mencapai kuantiti dalam pendidikan; persoalannya sekarang ialah kualiti atau mutu pelajaran. Kita dimaklumkan ramai graduan yang tidak berjaya mendapat pekerjaan merupakan graduan bumiputera. Ada yang mengatakan ini disebabkan kelemahan mereka dalam penguasaan bahasa inggeris atau ketidaksesuaian bidang pelajaran yang diikuti. Namun saya merasakan kualiti ijazah pelajar bumiputera itu sendiri yang perlu dipertingkatkan. Sesungguhnya, prestasi penuntut-penuntut Melayu di semua peringkat pendidikan, sama ada di peringkat tertiar mahupun di peringkat asas, perlu diperbaiki.

12. Sesungguhnya, dunia semakin bergolak dengan perkembangan globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi. Bangsa Melayu bukan hanya berhadapan dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia, malah berhadapan dengan bangsa-bangsa maju di dunia. Tahap daya saing dan daya tahan kita perlu diperkukuhkan. Oleh itu saya meminta para ibu bapa dan pendidik negara untuk memperbaharui usaha untuk membudayakan kualiti dan kecemerlangan di dalam kehidupan anak-anak Melayu masakini. Prinsip merit seharusnya tidak hanya digunapakai di dalam pengambilan pelajar di universiti sahaja, malah ianya sepatutnya menjadi panduan hidup bagi orang-orang Melayu. Tiada apapun yang diluar kebolehan kita sekiranya kita gigih berusaha. Lebih daripada itu, bangsa Melayu harus bekerja keras untuk menjadikan mereka antara yang terbilang di kalangan mereka yang cemerlang.

13. Selain kecemerlangan dalam pendidikan, saya berharap maktab-maktab rendah sains mara di seluruh negara juga akan menjadi contoh dan tauladan dari segi integrasi nasional dan perpaduan kaum. Kemasukkan pelajar-pelajar bukan bumiputera ke dalam MRSM tahun hadapan hendaklah disambut sebagai satu peluang untuk bersaing dalam pelajaran dan berkawan dalam kehidupan. Saya pasti perkembangan ini akan membawa kebaikan dan manfaat kepada MRSM sendiri dan masyarakat keseluruhannya, dan saya berharap usaha-usaha seperti ini akan diteruskan.

14. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya untuk berucap dan hadir bersama pada malam ini. Saya berdoa agar MUAFAKAT akan mencapai maksudnya dan berjaya di dalam program-program yang dirancangkannya. Saya juga menadah tangan memohon agar Allah S.W.T. akan terus memberkati usaha-usaha MRSM Dan Kolej Mara, serta institusi-institusi pendidikan yang lain, di dalam melaksanakan kewajipan kita untuk mendidik generasi-generasi semasa dan yang akan datang. Maka dengan doa itu, dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan segala sukacitanya melancarkan badan Pemuaafakatan Pendidikan Mara Malaysia (MUAFAKAT) dan merasmikan Seminar Prestasi Pendidikan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Sekian, terima kasih.